



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 8 MAC 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Ops Pantau buru peniaga bazar 'cekik darah'



KERAJAAN akan memberi insentif kepada peniaga yang menawarkan Menu Rahmah di bazar Ramadan seluruh negara.

KUALA LUMPUR – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) akan melaksanakan Ops Pantau di bazar-bazar Ramadan seluruh negara bermula 12 Mac ini.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, langkah itu bagi memastikan tiada peniaga mengambil kesempatan menjual pada harga tidak munasabah di bazar Ramadan tahun ini.

Katanya, seramai 2,300 anggota penguatan kuasa akan terlibat dengan operasi berkenaan.

"Bagi 60 lokasi Bazar Ramadan Rahmah di seluruh negara, kita menyasarkan 40 peratus peniaga di situ menawarkan Menu Rahmah dan kita akan memberi insentif kepada peniaga yang menawarkan Menu Rahmah sebanyak RM50.

"Kita akan memberi insentif kepada pengunjung (Bazar Ramadhan) e-wallet RM20 dan di setiap lokasi ada RM2,000 e-wallet akan dikeluarkan untuk membantu pengunjung membeli," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Mohd. Isam Mohd. Isa (**BN-Tampin**) mengenai modus operandi KPDN dalam memantau penjualan di bazar Ramadan tahun ini.

Menjawab soalan asal Mohd. Isam, Fuziah berkata, jumlah aduan pengguna berhubung isu bekalan dan harga barang tahun lalu meningkat kira-kira dua kali ganda berbanding tahun 2022.

Jelas beliau, peningkatan tersebut disebabkan pelbagai usaha dan advokasi Kerajaan Perpaduan untuk meremajakan sistem aduan pengguna dan membuatkan cara aduan lebih mesra pelanggan.

HARI: JUMAAT

TARIKH: 8/3/2024

M/SURAT: 22

INSENTIF PENIAGA BAZAR RAMADAN JUAL MENU RAHMAH

Tawaran imbuhan RM50

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Sebanyak 60 Bazar Ramadan Rahmah di seluruh negara akan menawarkan insentif RM50 kepada peniaga yang menawarkan Menu Rahmah selain insentif RM20 diberi kepada pengunjung menerusi e-Dompet.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri

dan Kos Sara Hidup (KPDN) Fuziah Salleh berkata, pihaknya menyasarkan kira-kira 40 peratus peniaga di bazar berkenaan dapat menawarkan Menu Rahmah, yang dijual lebih murah kepada pelanggan.

"Di setiap lokasi bazar, ada 2,000 e-Dompet akan dikeluarkan untuk membantu pengunjung membeli pada harga yang lebih murah. Ada Menu Rahmah, ada e-Dompet lagi," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan **Datuk Mohd Isaam**

ga yang menawarkan Menu Rahmah sebanyak RM50 dan kita akan beri insentif pada pengunjung dalam bentuk e-Dompet RM20.

Mohd Isa (BN-Tampin) pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Fuziah berkata, anggota penguatkuasa KPDN juga akan melaksanakan Ops Pantau di setiap bazar Ramadan bermula 12 Mac ini untuk memastikan tiada peniaga cuba mengambil kesempatan menaikkan harga yang tidak munasabah.

Menjawab soalan Mohd Isa mengenai mengangkat bahagian penguatku-

saan KPDN menjadi sebuah jabatan, Fuziah berkata, usaha itu sudah menunjukkan petanda positif.

"Angkat bahagian (penguatkuasaan KPDN) kepada jabatan, itu sudah ada keputusan yang positif. Cuma dia ada isu teknikal sikit. Apabila kita menjadi jabatan, dia ada implikasinya. Sebab dia ada pertanggungjawaban, jadi itu yang sedang dikaji dengan lebih mendalam."

"Sebab kalau tidak, pihak

Di 60 lokasi Bazar Ramadan Rahmah seluruh negara, kita menyasarkan sekurang-kurangnya 40 peratus peniaga menawarkan Menu Rahmah dalam Bazar Ramadan Rahmah"

Fuziah

penguatkuasa ini bertanggungjawab kepada bahagian, kepada pengarah negeri. Tapi kalau di negeri-negeri, mereka sudah ada jabatan (penguatkuasa) sendiri," katanya.

Johor Bahru: Guna logo halal palsu untuk memperdaya pengguna. Itu tindakan tidak beretika sebuah kilang bakeri di Masai di sini, yang dikesan tidak mendapatkan kelulusan pihak berkuasa bagi menggunakan logo halal pada produk makanan dijual.

Tindakan itu bagaimanapun mengundang padah apabila Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor menyita 33,890 unit bahan bakeri dan plastik pembungkusan serta beberapa dokumen selepas menyerbu premis itu, kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor, Lili Saslinda Pornomo berkata, tindakan itu dibuat selepas pihaknya menjalankan Operasi Bersepadu Pengawatkuasaan Halal ke

Kilang bakeri guna logo halal palsu diserbu KPDN



KPDN Johor menyerbu sebuah premis kilang bakeri di Masai yang dikesan menggunakan logo halal palsu.

33,890

jumlah unit bahan bakeri dan plastik pembungkusan disita

atas premis yang disyaki menggunakan logo halal tidak sah dalam tujuan perdagangan.

"Barangan bernilai RM23,035.20 dirampas dalam serbuan disertai enam pegawai dan anggota pengawat kuasa KPDN serta pegawai Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAIN) itu," katanya.

Beliau berkata, operasi bersepadu itu dijalankan berdasarkan daripada aduan awam diterima berkenaan penggunaan logo halal tidak sah pada produk yang dibungkus oleh se-

buah syarikat.

"Hasil pemeriksaan dilakukan itu, pihak kilang disiasat mengikut Akta Perihal Dagangan, Perenggan 8(b) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

"Jika didapati bersalah, syarikat boleh didenda tidak melebihi RM200,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, boleh dikenakan denda maksimum RM500,000.

Bagi individu pula, beliau berkata denda maksimum RM100,000 atau hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan jika sabit kesalahan, manakala bagi kesalahan kedua denda dikenakan tidak melebihi RM250,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Oleh Nurul Najwa
Mohd Noordin & Nor
Syazrina Muhamad Tahir
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ramai pengusaha baki mendaikwa berlaku kenaikan harga barang bahan mentah susulan kenaikan cukai jalan dan perkhidmatan (SST) yang berkuat kuasa sejak 1 Mac lalu.

Pemilik kedai baki, Norliyana Harun, 40-an, berkata mereka berasa amat terkesan berikut kos operasi meningkat akibat kenaikan harga barang mentah, baru-baru ini.

"Bayangan harga seguni serbuk koko bernilai RM400 sebelum ini, kini boleh meningkat kepada RM700.

"Malah, satu coklat berjamaa import berharga RM20 untuk satu kilogram (kg) sebelum ini, kini sudah meningkat kepada RM30 sejak SST baharu diperkenalkan," katanya ketika diintervju.

Menurutnya, keadaan itu membuatkan dirinya sebagai peniaga tersebut kerana terpaksa mengekalkan harga jualan demi menjaga pe-

HARGA BAHAN MENTAH JADI MAHAL SUSULAN KENAIKAN SST

Tauke baki rasa perit!



NORLIYANA

langgan tetap walaupun sebenarnya terbeban.

"Justeru, saya harap piak berkaian terutama kerajaan dapat melihat keadaan ini bagi mengelak peniaga kecil seperti saya semakin terbeban akibat kenaikan harga bahan mentah ini," katanya.

Pengusaha lain, Nur Syuhada Selamat, 35, berkata dia kurang menerima tempahan disebabkan harga kek perlu dinaikkan kerana kenaikan harga bahan mentah.

"Disebabkan oleh kenaikan harga bahan mentah,

saya menaikkan harga jualan kek, tetapi akan bertanya bajet pelanggan terlebih dahulu agar berada dalam kemampuan mereka.

"Antara contohnya, untuk kek bersaiz lima inci seberat 500 gram, harga asasnya adalah RM60, akan tetapi selepas kenaikan harga bahan mentah, maka saya akan tambah RM15 lagi," katanya.

Nur Syuhada tidak menafikan sambutan pelanggan semakin berkurangan kerana terpaksa menaikkan harga mengikut jenis kek yang ditempah pelanggan terbabit.

"Kadang-kadang permintaan pelanggan agak tinggi kerana mahukan kek yang sedap dan istimewa, tetapi apabila harga berada di luar bajet, maka mereka tidak jadi membuat tempahan," katanya.

Sementara itu, pemilik baki yang ingin dikenali sebagai Abang Kek, 35, ber-



ABANG Kek berusaha mengelakkan harga jualan sekurang-kurangnya sehingga Aidilfitri.

kata disebabkan perniagaannya bergantung kepada barang import, dia sememangnya terkesan berikutan kenaikan SST.

Menurutnya, walaupun harga barang mentah

naik, dia masih berusaha mengawal harga jualan bagi mengelakkan kesan tidak diingini kepada pelanggannya.

"Saya masih mencuba untuk mengekalkan harga

barang jualan buat masa ini sekurang-kurangnya sehingga musim perayaan Aidilfitri untuk melihat apa kesan yang akan berlaku kepadanya.

GAGAL PATUHI AWARD TTPM

Pengendali pakej umrah kena dakwa

Bernama

Putrajaya

Sebuah syarikat pengendali pakej umrah dan seorang pengarahnya didakwa di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan gagal mematuhi perintah award Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) supaya membayar balik tuntutan sebanyak RM60,929 kepada empat mangsa pada April tahun lalu.

Syarikat Persada Oasis Travel & Tours Sdn Bhd yang diwakili pengarahnya Mohd Firdaus Ahmad, 38, selaku

orang kena saman (OKS) mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin. Syarikat itu dan Mohd Firdaus masing-masing berdepan dengan empat pertuduhan gagal mematuhi award TTPM.

Perbuatan itu dilakukan di Pejabat TTPM di sini, pada 14 April 2023 dan pertuduhan mengikut Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599)

dan jika sabait kesalan, boleh didenda maksimum RM10,000 atau penjara maksimum dua tahun.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suhana Mohd dan Pegawai Pendakwa Sallim Wahid daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) manakala syarikat itu dan Mohd

Firdaus tidak diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan 9 April ini untuk sebutan kes bagi serahan dokumen.

Terdahulu, Suhana mewarkan ikat jamin RM2,000 bagi setiap satu pertuduhan kepada tertuduh, tetapi mahkamah menetapkan RM5,000 untuk empat pertuduhan yang dihadapi Mohd Firdaus.

"Kita juga mohon penggarah ini melapor diri di pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Putrajaya sekali setiap bulan," kata Suhana dan permohonannya dibenarkan Irza Zulaikha.

» INFO

Gagal patuhi perintah award Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia supaya membayar balik tuntutan sebanyak RM60,929 kepada empat mangsa.

Mohd Firdaus selaku orang kena saman (OKS) mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan.

Mahkamah menetapkan 9 April ini untuk sebutan kes bagi serahan dokumen.



MOHD Firdaus di Mahkamah Majistret, semalam.

Malaysia berdepan ketirisan subsidi diesel serius - Amir Hamzah

PUTRAJAYA - Negara kini sedang berdepan isu ketirisan subsidi diesel yang serius dan wujud kemungkinan terdapat pihak yang tidak layak namun masih menikmati subsidi itu, kata Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Memberi contoh mengenai penggunaan subsidi diesel dalam negara, beliau berkata, penggunaan itu adalah lebih kurang 6.1 billion liter sebelum Covid-19 dan kini penggunaan subsidi diesel mencecah 10.8 billion liter.

"Kalau kita kira kira peningkatannya adalah 70 peratus, jadi mana subsidi diesel itu pergi? Kita rasa buat masa sekarang ada kemungkinan besar subsidi itu berganjak kepada sektor yang tidak berhak mendapat subsidi."

- Amir Hamzah

“

Kalau kita kira peningkatannya adalah 70 peratus.. jadi mana subsidi diesel itu pergi? Kita rasa buat masa sekarang ada kemungkinan besar subsidi itu berganjak kepada sektor yang tidak berhak mendapat subsidi."

- Amir Hamzah

Kos Sarawak (KPDN) di sini pada Kamis.

Turut hadir, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan

Kos Sarawak (KPDN) di sini pada Kamis.

Mengenai kemungkinan subsidi tersebut berganjak kepada sektor yang tidak berhak mendapat subsidi diesel, beliau berkata, perkara itu mengakibatkan beban lebih besar kepada pengurusan kewangan negara.

"Ketirisan ini yang perlu kita hentikan. Duri kita bayar kepada syarikat yang tidak sepatutnya mendapat subsidi. Ia sepatutnya pergi kepada rakyat.. untuk kita bina sekolah yang lebih elok, klinik serta infrastruktur lain yang

lebih penting kepada rakyat.

"Kita kena tutup kelompongan yang ada dari segi ketirisan ini. Kita tengok dari segi jumlah subsidi diesel yang diberi tahun lalu lebih kurang RM20 billion. Jadi kalau kita dapat potong setengah pun Alhamdulillah," katanya.

Menurut beliau, kerajaan Madani akan berusaha untuk menjana hasil yang lebih, mengurangkan ketirisan dan menyalurkan dana ke saluran yang mengutamakan kepentingan rakyat dan negara.

Amir Hamzah turut memberitahu bahawa Malaysia mempunyai peluang untuk keluar daripada kekangan ekonomi walaupun mengambil sedikit



Penggunaan diesel sebelum Covid-19 adalah lebih kurang 6.1 billion liter dan kini penggunaan subsidi diesel mencecah 10.8 billion liter.

masa serta menekankan perlunya usaha berterusan untuk mencapai hasrat tersebut.

"Sebab itulah dari segi pihak kerajaan antaranya melalui Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, kita telah berusaha untuk menarik pelabur datang ke Malaysia.

"Alhamdulillah tahun lepas kita lihat pelaburan diluluskan berada pada satu tahap yang

tinggi dan tidak pernah lagi dicapai sebelum ini iaitu sebanyak RM329.5 billion," jelasnya.

Kerajaan kini, tambah beliau, turut memberi tumpuan untuk memperluaskan hasil dan usaha itu sedang dilakukan menerusi cukai perkhidmatan yang telah dinaikkan kepada lapan peratus berkuat kuasa 1 Mac lepas, berbanding enam peratus sebelum ini. - Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 8 MAC 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
8-Mar	KPDN akan pastikan peruntukan dibelanja tanpa ketirisan - Armizan	https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/653238	SINAR HARIAN
8-Mar	Armizan: Ministry to ensure allocation spent wisely with no leakage	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/03/1022481/armizan-ministry-ensure-allocation-spent-wisely-no-leakage	NEW STRAITS TIMES
8-Mar	KPDN AKAN PASTIKAN PERUNTUKAN DIBELANJA TANPA SEBARANG KETIRISAN - ARMIZAN	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2276899	BERNAMA
8-Mar	KPDN to ensure allocation spent wisely with no leakage: Armizan	https://thesun.my/local_news/kpdn-to-ensure-allocation-spent-wisely-with-no-leakage-armizan-NK12188104	THE SUN
8-Mar	KPDN Kedah sita alat timbang di kilang kelapa sawit	https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/653251	SINAR HARIAN
8-Mar	KPDN sita alat timbang ‘tipu’ di kilang kelapa sawit	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-sita-alat-timbang-tipu-di-kilang-kelapa-sawit/	BULETIN TV3
8-Mar	Syarikat pengendali pakej umrah, pengarah didakwa gagal patuh award TPM	https://www.sinarharian.com.my/article/653211/berita/semasa/syarikat-pengendali-pakej-umrah-pengarah-didakwa-gagal-patuh-award-tpm	SINAR HARIAN
8-Mar	Umrah handling company, director charged with failing to comply with TPM award order	https://thesun.my/local_news/umrah-handling-company-director-charged-with-failing-to-comply-with-tpm-award-order-DK12187859	THE SUN
8-Mar	Court in Putrajaya charges umrah handling company, director with failing to comply with Claims Tribunal award order	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/07/court-in-putrajaya-charges-umrah-handling-company-director-with-failing-to-comply-with-claims-tribunal-award-order/121992	MALAY MAIL

8-Mar	SYARIKAT PENGENDALI PAKEJ UMRAH, PENGARAH DIDAKWA GAL PATUHI PERINTAH AWARD TPM	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2276882	BERNAMA
8-Mar	Dewan Rakyat: Aduan isu bekalan, harga barang meningkat 2 kali ganda	https://www.kosmo.com.my/2024/03/07/dewan-rakyat-aduan-isu-bekalan-harga-barang-meningkat-2-kali-ganda/	KOSMO
8-Mar	KPDN Sandakan pantau harga pakaian, keperluan sekolah	https://www.dailyexpress.com.my/news/230115/kpdn-sandakan-pantau-harga-pakaian-keperluan-sekolah/	DAILY EXPRESS
8-Mar	PARLIMEN: Op Pantau pastikan peniaga tidak ambil kesempatan	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/op-pantau-pastikan-peniaga-tidak-ambil-kesempatan/	UTUSAN MALAYSIA
8-Mar	Insetif peniaga bazar Ramadhan jual menu Rahmah	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1220581/insetif-peniaga-bazar-ramadan-jual-menu-rahmah	BERITA HARIAN
8-Mar	Parlimen: Op Pantau dilaksanakan di semua bazar Ramadan	https://www.tvsarawak.my/2024/03/07/parlimen-op-pantau-dilaksanakan-di-semua-bazar-ramadan/	TV SARAWAK
8-Mar	Dewan Rakyat: Ops Pantau bazar Ramadan bermula 12 Mac	https://www.kosmo.com.my/2024/03/07/dewan-rakyat-ops-pantau-bazar-ramadan-bermula-12-mac/	KOSMO
8-Mar	Kerajaan akan laksana kajian penstabilan harga barang Sabah, Sarawak dan Labuan	https://www.tvsarawak.my/2024/03/07/kerajaan-akan-laksana-kajian-penstabilan-harga-barangan-sabah-sarawak-dan-labuan/	TV SARAWAK
8-Mar	Kerajaan akan laksana kajian penstabilan harga barang Sabah, Sarawak dan Labuan	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2277132	BERNAMA
8-Mar	Kerajaan laksana kajian penstabilan harga barang Sabah, Sarawak, Labuan	https://www.sinarharian.com.my/article/653348/edisi/sabah-sarawak/kerajaan-laksana-kajian-penstabilan-harga-barangan-sabah-sarawak-labuan	SINAR HARIAN

8-Mar	Gov't to study price stabilisation of goods and services for Sabah, Sarawak, and Labuan - KPDN	https://thesun.my/home_news/govt-to-study-price-stabilisation-of-goods-and-services-for-sabah-sarawak-and-labuan-kpdn-FL12191598	THE SUN
8-Mar	KPDN: Govt to study price stabilisation of goods, services for Sabah, Sarawak and Labuan	https://www.theborneopost.com/2024/03/07/kpdn-govt-to-study-price-stabilisation-of-goods-services-for-sabah-sarawak-and-labuan/	THE BORNEO POST
8-Mar	Kerajaan akan laksana kajian penstabilan harga barang Sabah, Sarawak dan Labuan	https://www.buletintv3.my/nasional/kerajaan-akan-laksana-kajian-penstabilan-harga-barangan-sabah-sarawak-dan-labuan/	BULETIN TV3
8-Mar	Govt to study price stabilisation of goods and services for Sabah, Sarawak, and Labuan - KPDN	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/03/1022708/govt-study-price-stabilisation-goods-and-services-sabah-sarawak-and	NEW STRAITS TIMES
8-Mar	Domestic Trade Ministry: Govt to study price stabilisation of goods and services for Sabah, Sarawak and Labuan	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/07/domestic-trade-ministry-govt-to-study-price-stabilisation-of-goods-and-services-for-sabah-sarawak-and-labuan/122118	MALAY MAIL
8-Mar	KPDN akan pastikan peruntukan dibelanja tanpa sebarang ketirisan	https://www.wilayahku.com.my/kpdn-akan-pastikan-peruntukan-dibelanja-tanpa-sebarang-ketirisan/	WILAYAHKU
8-Mar	Negara berdepan ketirisan subsidi diesel serius - Amir Hamzah	https://www.astroawani.com/berita-bisnes/negara-berdepan-ketirisan-subsidi-diesel-serius-amir-hamzah-461319	ASTRO AWANI
8-Mar	NEGARA BERDEPAN KETIRISAN SUBSIDI DIESEL SERIUS - AMIR HAMZAH	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2276994	BERNAMA
8-Mar	Negara berdepan ketirisan subsidi diesel serius - Amir Hamzah	https://www.sinarharian.com.my/article/653296/berita/nasional/negara-berdepan-ketirisan-subsidi-diesel-serius---amir-hamzah	SINAR HARIAN

8-Mar	Country facing serious subsidised diesel leakages - Amir Hamzah	https://thesun.my/local_news/country-facing-serious-subsidised-diesel-leakages-amir-hamzah-LL12190038	THE SUN
8-Mar	Menteri: Negara berdepan ketirisan subsidi diesel yang serius	https://www.malaysiakini.com/news/698615	MALAYSIA KINI
8-Mar	Domestic Trade Ministry to ensure allocation spent wisely with no leakage, says minister	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/07/domestic-trade-ministry-to-ensure-allocation-spent-wisely-with-no-leakage-says-minister/122004	MALAY MAIL
8-Mar	KPDN akan pastikan peruntukan dibelanja tanpa sebarang ketirisan - Armizan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-akan-pastikan-peruntukan-dibelanja-tanpa-sebarang-ketirisan---armizan	ASTRO AWANI
8-Mar	KPDN akan pastikan peruntukan dibelanja tanpa ketirisan - Armizan	https://www.sinarharian.com.my/article/653238/berita/nasional/kpdn-akan-pastikan-peruntukan-dibelanja-tanpa-ketirisan---armizan	SINAR HARIAN
8-Mar	MYCC BENTANG PIN-DAAN DUA AKTA TAHUN INI	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2276956	BERNAMA
8-Mar	MyCC expected to table amendments to two Acts this year	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/03/1022645/mycc-expected-table-	NEW STRAITS TIMES
8-Mar	MyCC expected to table amendments to two Acts this year	https://thesun.my/local_news/mycc-expected-to-table-amendments-to-two-acts-this-year-fuziah-GL12190305	THE SUN
8-Mar	KPDN serbu pasar raya sorok minyak masak peket	https://www.kosmo.com.my/2024/03/07/kpdn-serbu-pasar-raya-sorok-minyak-masak-peket	KOSMO
8-Mar	Over 50 Ramadan and nine Aidilfitri bazaars to be held in Melaka, says exco	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/07/over-50-ramadan-and-nine-aidilfitri-bazaars-to-be-held-in-	THE STAR

8-Mar	Jualan Ehsan Rahmah di Segi Fresh Bandar Tasik Puteri Sabtu ini	https://selangorkini.my/2024/03/jualan-ehsan-rahmah-di-segi-fresh-bandar-tasik-puteri-sabtu-ini	SELANGOR KINI
8-Mar	Tidak bayar cukai: Syarikat, dua ahli lembaga didenda RM21,000	https://www.dailyexpress.com.my/news/230124/tidak-bayar-cukai-syarikat-dua-ahli-lembaga-didenda-rm21-000	DAILY EXPRESS
8-Mar	Parlimen: KPDN rekod peningkatan mendadak aduan pengguna	https://www.tvsarawak.my/2024/03/07/parlimen-kpdn-rekod-peningkatan-mendadak-aduan-pengguna/	TV SARAWAK
8-Mar	Kerajaan usaha atasi isu subsidi tiris, utamakan dana untuk program rakyat	https://selangorkini.my/2024/03/kerajaan-usaha-ataси-isu-subsidi-tiris-utamakan-dana-untuk-program-rakyat/	SELANGOR KINI
8-Mar	Suri rumah di Melaka digalakkan sertai 'Hero Pengguna'	https://www.sinarharian.com.my/article/653345/edisi/melakans/suri-rumah-di-melaka-digalakkan-sertai-hero-	SINAR HARIAN
8-Mar	Tipu timbang sawit demi kaut untung	https://themalaytribune.com/tipu-timbang-sawit-demi-kaut-untung	THE MALAY TRIBUNE
8-Mar	Tipu timbang sawit demi kaut untung	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067798/tipu-timbang-sawit-demi-kaut-untung	HARIAN METRO
8-Mar	Lagi syarikat pengendali paket umrah, pengarah didakwa gagal patuhi perintah award TTPM	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lagi-syarikat-pengendali-paket-umrah-pengarah-didakwa-gagal-patuhi-perintah-award-tppm	ASTRO AWANI